

# IKLAN JAWATAN KOSONG

- Organisasi** : Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM),  
Jalan Hang Jebat, 50150, Kuala Lumpur.
- Jawatan** : Penolong Setiausaha Eksekutif
- Melapor kepada** : Timbalan Yang DiPertua Majlis Pengakap Negara /  
Setiausaha Majlis Pengakap Negara
- Kelayakan** : Sekurang-kurangnya STPM/Diploma atau kelayakan setaraf dalam bidang yang berkaitan dengan Kesetiausahaan, Pentadbiran, Sistem Perfailan dan lain2 tugas yg berkaitan dgn kesetiausahaan dgn CGPA 2.50 ke atas.
- Pengalaman** : 1 tahun pengalaman kerja.  
*(Graduan tanpa pengalaman namun mempunyai rekod penglibatan didalam projek yang berprofil tinggi turut dipelawa untuk memohon)*
- Tempoh Kontrak** : 6 bulan – 1 tahun percubaan, 2 tahun kontrak dan boleh ditawarkan ke jawatan tetap sekiranya mempamerkan prestasi yang baik.
- Rumusan** : Penolong Setiausaha Eksekutif mestilah mempunyai pengetahuan berkaitan sistem pemfailan serta mempunyai pengetahuan asas untuk menghasilkan karya kreatif untuk membantu Majlis Pengakap Negara.
- Perincian tugas** :
- Membantu Setiausaha Majlis Pengakap dalam perkara berkaitan pengurusan Majlis.
  - Membantu Setiausaha Majlis Pengakap Negara menyediakan Notis Makluman Mesyuarat.
  - Membantu Setiausaha Majlis Pengakap Negara menyediakan Jadual Perancangan Tahunan Majlis Pengakap Negara.
  - Menyediakan satu ruang untuk setiap minit Mesyuarat Jawatankuasa dengan selamat dan teratur.
  - Menguruskan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa di Majlis Pengakap Negara.
- Ciri-Ciri calon** :
- Fasih berbahasa Melayu dan mampu bertutur didalam bahasa Inggeris dengan baik.
  - Mempunyai etika kerja yang baik, berupaya untuk berkhidmat sebagai staff yang produktif dan mampu bekerjasama dengan semua pihak.
  - Mempunyai pengetahuan asas Adobe Creative Suite, seperti InDesign, Photoshop, Illustrator, Acrobat dan / atau produk rekaan lain adalah nilai tambah yang baik

- Mampu mempamerkan kemahiran yang baik dengan menggunakan Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint)
  - Mempunyai kesungguhan dalam membantu golongan muda untuk maju dan berjaya menjadi warganegara yang baik
- Terma & Syarat** :
- Waktu jam bekerja bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang, namun kerja lebih masa mungkin diperlukan. Calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bekerja pada hujung minggu apabila diperlukan dan cuti gantian bakal diberikan berdasarkan pertimbangan Ketua Pegawai Eksekutif.
  - Kelayakan cuti tahunan akan dimaklumkan sewaktu temuduga.
  - Gaji pokok RM1493 - RM5672 sebulan mengikut sijil, kemahiran dan pengalaman. Gaji pokok + Elaun Khidmat Awam + Elaun Perumahan + Elaun Sara Hidup + Elaun Telefon
  - Kemudahan EPF + SOCSO + *Medical Insurance*
- Cara permohonan** :
- Permohonan mestilah dihantar kepada Persekutuan Pengakap Malaysia tidak lewat dari jam 11.59 (GMT +7 waktu Malaysia) pada 25 Februari 2021 yang mengandungi:
- Curriculum Vitae yang mengandungi maklumat Pendidikan dan sejarah kerjaya
  - Surat permohonan yang memperincikan mengenai kesesuaian anda untuk jawatan ini, kemahiran yang berkaitan, pengetahuan dan pengalaman yang selari dengan perincian tugas serta maklumat peribadi.
- Permohonan dan pertanyaan mestilah dihantar ke [pengakap@scouts.my](mailto:pengakap@scouts.my) atau ke alamat seperti yang tertera diatas.